

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

November 26, 2009

Kafa Integrasi Jalan 6 Mempunyai Bangunan Lebih Selesa

Jalan, Seksyen 16, Bandar Baru Bangi, 04 Zulhijjah = 21 November (Sabtu):

Jika pada tahun 1992, permulaan sekolah ini dibuka dengan hanya menggunakan kelas pada bangunan rumah teres satu tingkat berhampiran Surau Al-Falah dengan hanya 42 orang murid, maka pada hari ini pihak pentadbir Sekolah Kafa Integrasi, Jalan 6, yang diketuai Pengurus PIBG Tuan Haji Mat Ali Bin Mohamed dan AJK dan Ketua Guru Ustazah Baenah Bt. Omar dan guru-guru serta seluruh murid dan ibu bapa bersyukur, kerana kini sekolah ini mempunyai bangunan baru 2 tingkat yang baru siap dengan peruntukan sebanyak RM450,000, iaitu dari peruntukan zakat negeri Selangor.

Kini sekolah ini mempunyai sebanyak 13 bilik kelas dicampur dengan kelas-kelas di bangunan lama. Ini bermakna sekolah ini lebih mampu menerima pertambahan murid-murid.

Sekolah ini kini mempunyai 380 murid dengan 10 orang guru JAIS dan 3 orang guru dari elauan sekolah. Sekolah Kafa Integrasi ini mempunyai perbezaan dari sekolah Kafa biasa. Murid-murid darjah 5 mengambil peperiksaan anjuran JAKIM yang dikenali dengan peperiksaan UPKK dan pada tahun 6 murid-murid mengambil peperiksaan PSRA biasa. Ini bermakna mereka yang lulus dengan baik boleh menyambung ke sekolah Menengah Kebangsaan Agama atau Sekolah Menengah Agama Negeri yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan di samping sekolah-sekolah yang lain.


Pada hari ini pihak sekolah mengadakan Majlis Hari Kecemerlangan Tahun 2009 yang dihadiri pihak PIBG, ibu bapa dan guru-guru bagi meraikan kejayaan murid-murid. Pada tahun ini murid yang berjaya di dalam PSRA, iaitu seorang mencapai keputusan mumtaz, iaitu Nur Insyirah bt. Farid dan 8 orang mencapai jayyid jiddan, manakala bagi peperiksaan UPKK, dua orang mencapai 8 A, iaitu Aishah Al-Humairo Bt. Adnan dan Aqilah Syahirah Bt.Ahmad Adzhar dan 11 orang mencapai 7A. ADUN Bangi diberi penghormatan merasmikan Majlis Hari Kecemerlangan 2009 Kafa Integrasi Jalan 6.




ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 9 9 6 2 8
1


PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~




~TEORI TAKMILAH~



Tahniah kepada semua dan selamat maju jaya.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [7:37 AM](#)



~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie
Abu Bakar

No comments:


Post a Comment

Newer Post


[Home](#)

Older Post


Subscribe to: Post Comments (Atom)



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan
Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar
Ilmu 2012



~BANGI BANDAR ILMU~



Jabatan Penyuruan Melaka
Fakulti Sains Kewajipkan dan Kejuruteraan
Universiti Kebangsaan Malaysia